Pengajian Aqidah 006 - MENGENALI ALLAH DENGAN MENGIMANI ASMA' WA SIFAT-NYA

Daripada Blog Rasmi (Aqidah):
http://aqidah-wa-manhaj.blogspot.com

MAKNA TAUHID ASMA' WA SIFAT DAN MANHAJ SALAF (GOLONGAN AWAL) DI DALAMNYA

Iaitu beriman kepada nama-nama Allah s.w.t. dan sifat-sifat-Nya, sebagaimana yang diterangkan dalam al-Qur'an dan Sunnah Rasul-Nya s.a.w., menurut apa yang layak bagi Allah s.w.t., tanpa ta'wil dan ta'thil, tanpa takyif, dan tamtsil, berdasarkan firman Allah s.w.t.:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Tiada sesuatupun yang serupa dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat. (asy-Syura 42: 11)

Ta'thil *– adalah menghilangkan makna atau sifat Allah.*

Takyif *- adalah mempersoalkan hakikat asma' dan sifat Allah dengan bertanya "bagaimana".*

Tamtsil *- adalah menyerupakan Allah dengan makhluk-Nya.*

Allah menafikan jika ada sesuatu yang menyerupai-Nya, dan Dia menetapkan bahawa Dia adalah Maha Mendengar dan Maha Melihat. Maka Dia diberi nama dan sifat dengan nama dan sifat yang Dia sendiri berikan untuk diri-Nya dan dengan nama dan sifat yang disampaikan oleh Rasul-Nya (melalui hadis). Al-Qur'an dan as-Sunnah dalam hal ini tidak boleh dilanggar, kerana tidak seorangpun yang lebih mengetahui Allah daripada Allah sendiri, dan tidak ada sesudah Allah orang yang lebih mengetahui Allah daripada Rasul-Nya. Maka barangsiapa yang mengingkari nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya atau menamakan Allah dan menyifati-Nya dengan nama-nama dan sifat-sifat makhluk-Nya, menta'wilkannya dari maknanya yang benar (haq), maka dia telah berbicara tentang allah tanpa ilmu dan berdusta terhadap Allah dan Rasul-Nya.

Allah s.w.t. berfirman:

هَؤُلاءِ قَوْمُنَا اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ آلِهَةً لَوْلا يَأْتُونَ عَلَيْهِمْ بِسُلْطَانٍ بَيِّنٍ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا

Siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah? (al-Kahfi 18: 15)

MANHAJ SALAF (PARA SAHABAT, TABI'IN DAN ULAMA PADA KURUN WAKTU YANG DIUTAMAKAN) DALAM HAL ASMA' DAN SIFAT ALLAH

Iaitu mengimani dan menetapkannya sebagaimana ia datang tanpa tahrif (mengubah), ta'thil (menafikan), takyif (menanyakan bagaimana) dan tamtsil (menyerupakan), dan hal itu termasuk pengertian beriman kepada Allah.*

* *Iman seperti ini juga dianut oleh Syeikh Abdul Qadir al-Jailani (wafat tahun 561 H.), lihat kitabnya "al-Fathur Rabbani wal Faidhur Rahmaniy", cetakan al-Haramain, hal. 34, 61, 76, dan 303).*

Imam Ahmad rahimahullah berkata, Allah tidak boleh disifati kecuali dengan apa yang disifati oleh-Nya untuk Diri-Nya atau apa yang sifatkan melalui Rasul-Nya, serta tidak boleh melampaui al-Qur'an dan al-Hadis. Mazhab (jalan/landasan) salaf menyifati Allah dengan apa yang Dia sifatkan untuk Diri-Nya dan dengan apa yang disifatkan melalui Rasul-Nya, tanpa tahrif dan ta'thil, takyif dan tamtsil.

Kita mengetahui bahawa apa yang Allah sifatkan untuk Diri-Nya adalah haq (benar), tidak mengandungi teka-teki dan tidak untuk dibongkar. Maknanya sudah dimengerti, sebagaimana maksud orang yang berbicara juga dimengerti dari pembicaraannya. Apalagi jika yang berbicara itu adalah Rasulullah, manusia yang paling mengerti dengan apa yang dia katakan, yang paling fasih dalam menjelaskan ilmu, dan paling baik serta mengerti dalam menjelaskan atau memberi petunjuk. Dan sekali pun demikian, tidaklah ada sesuatu yang menyerupai Allah. Tidak dalam Diri (Dzat)-Nya Yang Maha Suci yang disebut dalam asma' dan sifat-Nya, juga tidak dalam perbuatan-Nya. Sebagaimana yang kita yakini bahawa Allah s.w.t. mempunyai Dzat, juga ad'al (perbuatan), maka begitu pula Dia benar-benar mempunyai sifat-sifat, tetapi tidak ada satu pun yang menyamai-Nya, juga tidak dalam perbuatan-Nya.

Setiap yang mengharuskan adanya kekurangan dan huduts* maka Allah s.w.t. benar-benar bebas dan Mahasuci dari hal tersebut. Sesungguhnya Allah adalah yang memiliki kesempurnaan yang sempurna, tidak ada batas ayas-Nya. Dan mustahil bagi Diri-Nya mengalami huduts, kerana mustahil bagi-Nya sifat 'adam (tidak ada); sebab huduts mengharuskan adanya sifat 'adam sebelumnya, dan kerana sesuatu yang baru pasti memerlukan muhdits (yang mengadakan), juga kerana Allah bersifat wajibul wujud binafsi (wajib ada dengan sendiri-Nya).

* *Huduts ertinya baru, yang dahulunya tidak ada kemudian menjadi ada. Huduts adalah lawan kata dari qidam.*

Madzhab salaf adalah antara ta'thil dan tamtsil. Mereka tidak menyamakan atau menyerupakan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk-Nya. Sebagaimana mereka tidak menyerupakan Dzat-Nya dengan dzat pada makhluk-Nya. Mereka tidak menafikan apa yang Allah sifatkan untuk diri-Nya, atau apa yang disifatkan oleh Rasul-Nya. Seandainya mereka menafikan, bererti mereka telah menghilangkan asma' husna dan sifat-sifat-Nya yang 'ulya (luhur), dan bererti mengubah kalam dari tempat yang sebenarnya, dan bererti pula mengingkari asma' allah dan ayat-ayat-Nya. (Lihat Majmu' Fatawa, 5/26-27)

ASMA' HUSNA DAN SIFAT KESEMPURNAAN, SERTA PENDAPAT GOLONGAN SESAT DAN BANTAHANNYA

Pertama: ASMA' HUSNA

وَلِلَّهِ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (asma'ul husna), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan. (al-A'raaf 7: 180)

Ayat yang agung ini menunjukkan hal-hal berikut:

1 – Menetapkan nama-nama (asma') untuk Allah s.w.t., maka siapa yang menafikannya bererti ia telah menafikan apa yang telah ditetapkan Allah dan juga bererti dia telah menentang Allah s.w.t.

2 – Bahawasanya asma' Allah s.w.t. semuanya adalah husna. Maksudnya sangat baik. Kerana ia mengandungi makna dan sifat-sifat yang sempurna, tanpa kekurangan dan cacat sedikit pun. Ia bukanlah sekadar nama-nama kosong yang tidak bermakna atau tidak mengandungi erti.

3 – Sesungguhnya Allah meemrintahkan berdoa dan bertawassul kepada-Nya dengan nama-nama-Nya. Maka hal ini menunjukkan keagungan-Nya serta kecintaan Allah kepada doa yang disertai nama-nama-Nya.

4 – Bahawasanya Allah s.w.t. mengancam orang-orang yang ilhad dalam asma'-Nya dan Dia akan membalas perbuatan mereka yang buruk itu.

Ilhad menurut bahasa bererti "الميل" iaitu condong. Ilhad di dalam asma' Allah bererti menyelewengkannya dari makna-makan agung yang dikandungnya kepada makna-makan batil yang tidak dikandungnya. Sebagaimana yang dilakukan orang-orang yang menta'wilkannya dari makna-makan sebenarnya kepada makna yang mereka ada-adakan.

Allah s.w.t. berfirman:

قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوِ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Serulah nama " Allah" atau nama "Ar-Rahman", Yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama Yang baik serta mulia"... (al-Isra' 17: 110)

Diriwayatkan, bahawa salah seorang musyrik mendengar baginda Nabi s.a.w. sedang mengucapkan dalam sujudnya, "Ya Allah, ya Rahman", maka ia berkata, "Sesungguhnya Muhammad mengaku bahawa dirinya hanya menyembah satu Tuhan, sedangkan ia memohon kepada dua tuhan." Maka Allah menurunkan ayat ini. Demikian seperti disebutkan oleh Ibnu Katheer. Maka Allah menyuruh hamba-hamba-Nya untuk memanjatkan doa kepada-Nya dengan menyebut nama-nama-Nya sesuai dengan keinginan-nya. Jika mreka mahu, mereka memanggil, "Ya Allah", dan jika mereka menghendaki boleh memanggil, "Ya Rahman" dan seterusnya. Hal ini menunjukkan tetapnya nama-nama Allah dan bahawasanya masing-masing dari

nama-Nya boleh digunakan untuk berdoa sesuai dengan maqam (keadaan) dan situasinya, kerana semuanya adalah husna.

Allah s.w.t. berfirman:

اللَّهُ لا إِلَهَ إِلا هُوَ لَهُ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى

Allah! Tiada Tuhan Yang berhak disembah melainkan Dia, bagiNyalah Segala nama Yang baik. (Thaha 20: 8)

هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Dia lah Allah, Yang menciptakan sekalian makhluk; Yang mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut Yang dikehendakiNya); bagiNyalah nama-nama Yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadanya Segala Yang ada di langit dan di bumi; dan Dia lah Yang tiada bandingNya, lagi Maha Bijaksana. (al-Hasyr 59: 24)

Maka barangsiapa menafikan asma' Allah bererti ia berada di atas orang-orang musyrik, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اسْجُدُوا لِلرَّحْمَنِ قَالُوا وَمَا الرَّحْمَنُ أَنَسْجُدُ لِمَا تَأْمُرُنَا وَزَادَهُمْ نُفُورًا

Dan apabila dikatakan kepada mereka (yang musyrik itu): "Sujudlah kamu kepada Ar-Rahman (Tuhan Yang Maha Pemurah)!" mereka bertanya: "Dan siapakah Ar-Rahman itu? Patutkah Kami sujud kepada apa sahaja yang Engkau perintahkan kami?" dan perintah yang demikian, menjadikan mereka bertambah liar ingkar. (al-Furqan 25: 60)

كَذَلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهَا أُمَمٌ لِتَتْلُوَ عَلَيْهِمُ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ بِالرَّحْمَنِ قُلْ هُوَ رَبِّي لا إِلَهَ إِلا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ مَتَابِ

Demikianlah, Kami utuskan Engkau (Wahai Muhammad) kepada satu umat Yang telah lalu sebelumnya beberapa umat Yang lain, supaya Engkau membacakan kepada mereka Al-Quran Yang Kami wahyukan kepadaMu, sedang mereka kufur kepada (Allah) Ar-Rahman katakanlah: "Dia lah Tuhanku, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia. kepadaNyalah Aku berserah diri, dan kepadaNyalah tempat kembaliku (dan kamu semuanya)". (ar-Ra'd 13: 30)

Maksudnya, ini yang kalian kufuri adalah Tuhanku, aku meyakini rububiyah, uluhiyah, asma' dan sifat-Nya. Maka hal ini menunjukkan bahawa rububiyah dan uluhiyah-Nya mengharuskan adanya asma' dan sifat Allah s.w.t.. Dan juga, bahawasanya sesuatu yang tidak memiliki asma' dan sifat tidaklah layak menjadi Rabb (Tuhan) dan Ilah (sesembahan).

Kedua: KANDUNGAN ASMA' HUSNA ALLAH

Nama-nama yang mulia ini bukanlah sekadar nama kosong yang tidak mengandungi makna dan sifat, justeru ia adalah nama-nama yang menunjukkan kepada makna

yang mulia dan sifat yang agung. Setiap nama menunjukkan kepada sifat, maka nama ar-Rahman dan ar-Rahim menunjukkan kepada sifat rahmah; as-Sami' dan al-Bashir menunjukkan sifat mendengar dan melihat; al-'Alim menunjukkan sifat ilmu yang luas; al-Karim menunjukkan sifat karam (dermawan dan mulia); al-Khaliq menunjukkan Dia menciptakan; dan ar-Razzaq menunjukkan Dia memberi rezeki dengan jumlah yang banyak sekali. Begitulah seterusnya, setiap nama dari nama-nama-Nya menunjukkan sifat dari sifat-sifat-Nya.

Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah berkata: "Setiap nama dari nama-nama-Nya menunjukkan kepada Dzat yang disebutnya dan sifat yang dikandungnya, seperti al-'Alim menunjukkan Dzat dan ilmu, al-Qadir menunjukkan Dzat dan qudrah, ar-Rahim menunjukkan Dzat dan sifat rahmat." (Lihat Majmu' Fatawa, 13/333-334)

Ibnul Qayyim berkata, "Nama-nama Rabb s.w.t. menunjukkan sift-sifat kesempurnaan-Nya, kerana ia diambil dari sifat-sifat-Nya. Jadi ia adalah nama sekaligus sifat dan kerana itulah ia menjadi husna. Sebab andai kata ia hanyalah lafaz-lafaz yang tidak memiliki makna maka tidaklah disebut husna, juga tidak menunjukkan kepada pujian dan kesempurnaan. Jika demikian tentu diperbolehkan meletakkan nama intiqam (balas dendam) dan ghadhab (marah) pada tempat rahmat dan ihsan, atau sebaliknya. Sehingga boleh dikatakan, "Ya Allah sesungguhnya aku telah menzalimi diri sendiri, maka ampunilah aku, kerana sesungguhnya Engkau adalah al-Muntaqin (maha Membalas Dendam). Ya Allah anugerahilah aku, kerana sesungguhnya engkau adalah adh-Dhar (Yang Memberi Mudharat) dan al-Mani' (Yang Menolak)..." dan yang seumpamanya. Lagi pula kalau tidak menunjukkan erti dan sifat, tentu tidak dibolehkan memberi khabar dengan masdar-masdar-nya dan tidak boleh menyifati dengannya. Tetapi kenyataannya Allah sendiri telah mengabarkan tentang Diri-Nya dengan masdar-masdar-Nya dan menetapkannya untuk Diri-Nya dan telah ditetapkan oleh Rasul-Nya untuk-Nya, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ

Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dia lah sahaja) Yang mempunyai kekuasaan Yang tidak terhingga, lagi Yang Maha kuat kukuh kekuasaanNya. (adz-Dzariyat 51: 58)

Dari sini diketahui bahawa al-Qawiy adalah salah satu nama-nama-Nya yang bermakna "Dia Yang Mempunyai Kekuatan". Begitu pula firman Allah:

فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا

kerana bagi Allah jualah Segala kemuliaan. (Fathir 35: 10)

"العزيز" adalah "Yang Memiliki Izzah (kemuliaan)". Seandainya tidak memiliki kekuatan dan izzah maka tidak boleh dinamakan "العزيز" dan "القوي". Sampai akhirnya Ibnu Qayyim berkata: "...juga seandainya asma'-Nya tidak mengandungi makna dan sifat maka tidak boleh mengkhabari tentang Allah dengan fi'il (kata kerja) nya. Maka tidak boleh dikatakan "يسمع" (Dia mendengar), "يرى" (Dia melihat), "يعلم" (Dia mengetahui), "يقدر" (Dia berkuasa) dan "يريد" (Dia berkehendak). Kerana tetapnya hukum-hukum sifat adalah satu cabang dari

ketetapan sifat-sifat itu. Jika pangkal sifat tidak ada maka mustahil adanya ketetapan hukumnya." (Lihat Madarijus Salikin, 1/28-29)

Ketiga: PEMERHATIAN TERHADAP SIFAT-SIFAT ALLAH

Sifat-sifat Allah terbahagi menadi dua bahagian. Bahagian pertama, adalah sifat dzatiyah, iaitu sifat yang senantiasa melekat dengan-Nya. Sifat ini tidak berpisah dari DzatNya. Seperti "العلم" (ilmu), "القدرة" (kekuasaan), "السمع" (mendengar), "البصر" (melihat), "العزة" (kemuliaan), "الحكمة" (hikmah), "العلو" (ketinggian), "العظمة" (keagungan), "الوجة" (wajah), "اليدين" (dua tangan), "العينين" (dua mata).

Bahagian kedua, adalah sifat fi'liyah. Iaitu sifat yang Dia perbuat jika berkehendak. Seperti, bersemayam di atas 'Arsy, turun ke langit dunia ketika tinggal sepertiga akhir dari malam, dan datang pada hari kiamat.

Berikut ini kami sebutkan sejumlah sifat-sifat Allah dengan dalil dan keterangannya, apakah ia termasuk dzatiy atau fi'liy...

1 – al-Qudrah (Berkuasa)

Allah s.w.t. berfirman:

لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالأرْضِ وَمَا فِيهِنَّ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Allah jualah Yang Menguasai alam langit dan bumi serta segala yang ada padanya; dan Dia lah jua yang Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (al-Ma'idah 5: 120)

إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (al-Baqarah 2: 20)

وَاضْرِبْ لَهُمْ مَثَلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الأرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيَاحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مُقْتَدِرًا

Dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (al-Kahfi 18: 45)

قُلْ هُوَ الْقَادِرُ عَلَى أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِنْ فَوْقِكُمْ أَوْ مِنْ تَحْتِ أَرْجُلِكُمْ

Katakanlah: "Dia lah Yang berkuasa menghantar kepada kamu azab seksa (bala bencana), dari sebelah atas kamu, atau dari bawah kaki kamu, (al-An'am 6: 65)

إِنَّهُ عَلَى رَجْعِهِ لَقَادِرٌ

Sesungguhnya Allah Maha Kuasa untuk mengembalikannya (hidup semula sesudah mati), (at-Thariq 86: 8)

Dia telah menetapkan sifat qudrah, kuasa untuk melakukan apa saja yang dikehendakinya, sebagaimana Dia juga menafikan dari Diri-Nya sifat ‘ajz (lemah) dan lughub (letih).

Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعْجِزَهُ مِنْ شَيْءٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلا فِي الأَرْضِ إِنَّهُ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا

(sudah tetap) Bahawa kekuasaan Allah tidak dapat dilemahkan atau dihalangi oleh sesuatupun sama ada di langit atau di bumi; Sesungguhnya ia adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa. (Fathir 35: 44)

وَلَقَدْ خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَمَا مَسَّنَا مِنْ لُغُوبٍ

Dan Demi sesungguhnya! Kami telah menciptakan langit dan bumi serta Segala Yang ada di antara keduanya Dalam enam masa, dan Kami tidak mengalami sebarang susah payah. (Qaff 50: 38)

Dia memiliki qudrah yang mutlak dan sempurna sehingga tidak ada sesuatu pun yang melemahkan-Nya. Tidaklah ada penciptaan makhluk dan pembangkitan mereka kembali kecuali bagaikan satu jiwa saja.

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Sesungguhnya keadaan kekuasaannya apabila ia menghendaki adanya sesuatu, maka Dia hanyalah berkata: " Jadilah!". maka terjadilah ia. (Yasin 36: 82)

Maka seluruh makhluk-Nya, baik yang di atas mahupun yang di bawah, menunjukkan kesempurnaan qudrah-Nya yang menyeluruh. Tidak ada satu partikel pun yang keluar dari kekuasaan-Nya. Cukuplah menjadi dalil bagi seorang hamba manakala ia melihat kepada penciptaan dirinya; bagaimanakah allah menciptakannya dalam bentuk yang paling baik, membelah baginya pendengaran dan penglihatannya, menciptakan untuknya sepasang mata, sebuah lisan dan sepasang bibir? Kemudian apabila ia melayangkan pandangannya ke seluruh jagat raya ini maka ia akan melihat berbagai keajaiban qudrah-Nya yang menunjukkan keagungan-Nya.

2 – al-Iradah (Berkehendak)

إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa Yang ia kehendaki. (al-Ma’idah 5: 1)

إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ

Sesungguhnya Allah melakukan apa Yang dikehendaki-Nya. (al-Hajj 22: 16)

فَعَّالٌ لِمَا يُرِيدُ

Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendaki-Nya. (al-Buruj 85: 16)

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Sesungguhnya keadaan kekuasaannya apabila ia menghendaki adanya sesuatu, maka Dia hanyalah berkata: " Jadilah!". maka terjadilah ia. (Yasin 36: 82)

Ayat-ayat ini menetapkan iradah untuk Allah s.w.t. iaitu di antara sifat Allah yang ditetapkan oleh al-Qur'an dan as-sunnah. Ahlus sunnah wal Jama'ah menyepakati bahawa iradah itu ada du keadaan:

I – Iradah Kauniyah, sebagaimana yang terdapat di dalam ayat berikut:

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلإِسْلامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لا يُؤْمِنُونَ

Maka sesiapa Yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa Yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang Yang tidak beriman. (al-An'am 6: 125)

Iaitu iradah yang menjadi persamaan masyi'ah (kehendak Allah), tidak ada bezanya antara masyi'ah dan iradah kauniyah.

II – Iradah Syar'iyah, sebagaimana terdapat dalam ayat:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

(dengan ketetapan Yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. (al-Baqarah 2: 185)

Perbezaan antara keduanya ialah:

- Iradah kauniyah pasti terjadi, sedangkan iradah syar'iyah tidak harus terjadi; iaitu boleh terjadi, boleh juga tidak.

- Iradah kauniyah meliputi yang baik dan yang buruk, yang bermanfaat dan yang berbahaya bahkan meliputi segala sesuatu. Sedangkan iradah syar'iyah hanya terdapat pada yang baik dan yang bermanfaat saja.

- Iradah kauniyah tidak mengharuskan mahabbah (cinta Allah). Terkadang Allah menghendaki terjadinya sesuatu yang tidak Dia cintai, tetapi dari hal tersebut akan lahir sesuatu yang dicintai Allah. Seperti penciptaan Iblis dan segala yang jahat lainnya untuk tujuan ujian dan cubaan. Adapun iradah syar'iyah maka di antara kesan atau akibatnya adalah mahabbah Allah, kerana Allah tidak menginginkan dengannya kecuali sesuatu yang dicintai-Nya, seperti taat dan pahala.

3 – al-'Ilmu (Ilmu)

Allah s.w.t. berfirman:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لا إِلَهَ إِلا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Dia lah Allah, Yang tidak ada Tuhan melainkan dia; Yang mengetahui perkara Yang ghaib dan Yang nyata; (al-Hasyr 59: 22)

عَالِمِ الْغَيْبِ لا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلا فِي الأَرْضِ

Demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaibdan yang nyata. Tiada tersembunyi dari pengetahuan-Nya barang seberat zarrah pun yang ada di langit atau di bumi... (Saba': 3)

إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

"Sesungguhnya Allah mengetahui Segala rahsia langit dan bumi, dan Allah Maha melihat akan Segala Yang kamu kerjakan". (al-Hujuraat 49: 18)

Yang dimaksudkan dengan yang ghaib adalah yang tidak diketahui manusia, tetapi Allah mengetahuinya.

إِنَّ اللَّهَ لا يَخْفَى عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الأَرْضِ وَلا فِي السَّمَاءِ

Sesungguhnya Allah tidak tersembunyi kepadanya sesuatu pun Yang ada di bumi dan juga Yang ada di langit. (Ali Imran 3: 5)

Yang dimaksudkan dengan syahadah adalah apa yang disaksikan dan dilihat oleh manusia.

Allah s.w.t. berfirman:

وَلا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ

sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa Yang Allah kehendaki... (al-Baqarah 2: 255)

فَلا تَضْرِبُوا لِلَّهِ الأَمْثَالَ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لا تَعْلَمُونَ

Oleh itu, janganlah kamu mengadakan sesuatu Yang sebanding Dengan Allah, kerana Sesungguhnya Allah mengetahui (setakat mana buruknya perbuatan syirik kamu) sedang kamu tidak mengetahuinya. (an-Nahl 16: 74)

Di antara dalil yang menunjukkan atas ilmu-Nya yang luas adalah firman Allah s.w.t.:

لِتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا

...(berlakunya Yang demikian) supaya kamu mengetahui Bahawa Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu, dan Bahawa Sesungguhnya Allah tetap meliputi ilmunya akan tiap-tiap sesuatu. (at-Thalaq 65: 12)

Di antara dalilnya yang lain ialah hasil ciptaan-Nya yang sangat teliti dan sempurna. Allah s.w.t. berfirman:

أَلا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ

“Apakah Allah yang menciptakan itu tidak mengetahui (yang kamu lahirkan dan rahsiakan)...? (al-Mulk 67: 14)

Kerana mustahil boleh menciptakan benda-benda di alam ini dengan sangat teliti dan sempurna kalau bukan Yang Maha Mengetahui. Yang tidak mengetahui dan tidak mempunyai ilmu tidak mungkin menciptakan sesuatu, seandainya ia menciptakan tentu tidak akan teliti dan sempurna. Allah s.w.t. berfirman:

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لا يَعْلَمُهَا إِلا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلا يَعْلَمُهَا

Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan Segala Yang ghaib, tiada sesiapa Yang mengetahui-Nya melainkan Dia lah sahaja; dan ia mengetahui apa Yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan ia mengetahuinya... (al-An’am 6: 59)

يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

Dia mengetahui Segala Yang ada di langit dan di bumi; dan ia mengetahui Segala Yang kamu rahsiakan serta Yang kamu zahirkan; dan Allah sentiasa mengetahui Segala (isi hati) Yang terkandung di Dalam dada; (at-Taghabun 64: 4)

Dan masih banyak lagi ayat-ayat berkenaan masalah ini.

Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah berkata, “Kaum muslimin memahami, sesungguhnya Allah mengethui segala sesuatu sebelum benda-benda itu ada dengan ilmu-Nya dan qadim azaliy yang merupakan salah satu dari sifat Diri-Nya yang Mahasuci. Dan Dia tidak mengambil ilmu tentang benda itu dari benda itu sendiri.”

أَلا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ

“Apakah Allah yang menciptakan itu tidak mengetahui (yang kamu lahirkan dan rahsiakan)...? (al-Mulk 67: 14)

4 – al-Hayat (Hidup)

Iaitu sifat dzatiyah yang tetap untuk Allah, kerana Allah bersifat dengan ‘ilmu, qudrat dan iradat, sedangkan sifat-sifat itu tidaklah ada kecuali dari yang hidup. Allah s.w.t. berfirman:

اللَّهُ لا إِلَهَ إِلا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). (al-Baqarah 2: 255)

هُوَ الْحَيُّ لا إِلَهَ إِلا هُوَ فَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Dia lah Yang tetap hidup; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia; maka Sembahlah kamu akan Dia Dengan mengikhlaskan amal agama kamu kepadanya semata-mata. Segala puji tertentu bagi Allah Tuhan Yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (al-Mu'min 40: 65)

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِ وَكَفَى بِهِ بِذُنُوبِ عِبَادِهِ خَبِيرًا

Dan berserahlah Engkau kepada Allah Tuhan Yang hidup, Yang tidak mati; serta bertasbihlah Dengan memujiNya; dan cukuplah ia mengetahui secara mendalam akan dosa-dosa hambaNya; (al-Furqan 25: 58)

Ayat-ayat di atas menetapkan sifat hayat bagi Allah. Dan bahawa al-Hayatul Qayyum adalah "al-Ismul A'zham" (nama yang paling agung) yang jika Allah dipanggil dengannya pasti Dia mengabulkan, jika Dia dimintai engannya pasti Dia memberi; kerananya hayat menunjukkan kepada seluruh sifat-sifat dzatiyah, dan qayyum menunjukkan kepada seluruh sifat-sifat fi'liyah. Jadi seluruh sifat kembali kepada dua nama yang agung ini. Bagi-Nya adalah kehidupan yang sempurna; tidak ada kematian, tidak ada kekurangan, tidak ada mengantuk dan tidak ada tidur. Dialah al-Qayyum, yang menegakkan yang lain dengan memberinya sebab-sebab kelangsungan dan kebaikan.

5 – as-Sam'u (Mendengar) dan al-Bashar (Melihat)

Keduanya adalah termasuk kepada sifat dzatiyah Allah. Allah menyifati Diri-Nya dengan kedua-duanya dalam banyak ayat, seperti firman-Nya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Tiada sesuatupun Yang serupa Dengan Dia, dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat. (as-Syura 42: 11)

إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (an-Nisa': 58)

قَالَ لا تَخَافَا إِنَّنِي مَعَكُمَا أَسْمَعُ وَأَرَى

Allah berfirman: "Janganlah kamu takut, Sesungguhnya Aku ada bersama-sama kamu; Aku mendengar dan melihat segala-galanya. (Thaha 20: 46)

Pendengaran Allah s.w.t. menangkap semua suara, baik yang keras mahupun perlahan, mendengar semua suara dengan semua bahasa dan dapat membezakan semua keperluan masing-masing. Satu pendengaran tidak mengganggu

pendengaran yang lain. Pelbagai macam bahasa dan suara tidaklah membuat samar bagi-Nya. Allah s.w.t. berfirman:

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمَا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenan) aduan perempuan Yang bersoal jawab denganmu (Wahai Muhammad) mengenai suaminya, sambil ia berdoa merayu kepada Allah (mengenai perkara Yang menyusahkannya), sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat. (al-Mujadalah 58: 1)

أَمْ يَحْسَبُونَ أَنَّا لا نَسْمَعُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَاهُمْ

Patutkah mereka menyangka Bahawa Kami tidak mendengar apa Yang mereka sembunyikan (di Dalam hati) dan apa Yang mereka perkatakan (dengan berbisik) sesama sendiri? (az-Zukhruf 43: 80)

Sebagaimana Allah juga melihat segala sesuatu, dan tidak ada sesuatu pun yang menutupi penglihatan-Nya. Allah s.w.t. berfirman:

أَلَمْ يَعْلَمْ بِأَنَّ اللَّهَ يَرَى

Tidakkah ia mengetahui Bahawa Sesungguhnya Allah melihat (segala amal perbuatannya dan membalasnya)? (al-‘Alaq 96: 14)

الَّذِي يَرَاكَ حِينَ تَقُومُ (٢١٨)وَتَقَلُّبَكَ فِي السَّاجِدِينَ

Yang melihatmu semasa engkau berdiri (mengerjakan sembahyang), dan (melihat) gerak-gerimu di antara orang-orang Yang sujud. (as-Syu’ara 26: 218-219)

وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Dan katakanlah (Wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan". (at-Taubah 9: 105)

إِنَّ اللَّهَ لا يَخْفَى عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الأَرْضِ وَلا فِي السَّمَاءِ

Sesungguhnya Allah tidak tersembunyi kepadanya sesuatu pun Yang ada di bumi dan juga Yang ada di langit. (Ali Imran 3: 5)

Yang tidak mendengar dan melihat tidak layak untuk menjadi Tuhan. Allah s.w.t. menceritakan tentang Ibrahim a.s. yang berbicara kepada bapanya sebagai protes atas penyembahan mereka terhadap berhala.

إِذْ قَالَ لأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لا يَسْمَعُ وَلا يُبْصِرُ وَلا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا

Ketika ia berkata kepada bapanya:" Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda Yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun? (Maryam 19: 42)

قَالَ هَلْ يَسْمَعُونَكُمْ إِذْ تَدْعُونَ

Nabi Ibrahim bertanya: "Adakah berhala-berhala itu mendengar kamu semasa kamu menyerunya? (asy-Syu'ara 26: 72)

6 - Al-Kalam (Berbicara)

Di antara sifat Allah yang dinyatakan oleh al-Qur'an, as-sunnah, ijma; para sahabat (dan salaf) serta para imam adalah al-Kalam. Sesungguhnya allah s.w.t. berbicara sebagaimana yang Dia kehendaki; bila Dia menghendaki dan dengan apa Dia kehendaki, dengan suatu kalam (perbicaraan) yang boleh didengar. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ حَدِيثًا

...dan siapakah pula Yang lebih benar perkataannya daripada Allah? (an-Nisa' 4: 87)

وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ قِيلا

...dan siapakah Yang lebih benar perkataannya daripada Allah? (an-Nisa' 4: 122)

وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا

...dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa Dengan langsung. (an-Nisa' 4: 164)

مِنْهُمْ مَنْ كَلَّمَ اللَّهُ

...di antara mereka ada yang Allah berkata-kata dengannya... (al-Barah 2: 253)

إِذْ قَالَ اللَّهُ يَا عِيسَى

(Ingatlah) ketika Allah berfirman: "Wahai Isa... (Ali Imran 3: 55)

وَنَادَيْنَاهُ مِنْ جَانِبِ الطُّورِ الأَيْمَنِ وَقَرَّبْنَاهُ نَجِيًّا

dan Kami telah menyerunya dari arah sebelah kanan Gunung Tursina, dan Kami dampingkan Dia Dengan diberi penghormatan berkata Dengan kami. (Maryam 19: 52)

وَإِذْ نَادَى رَبُّكَ مُوسَى أَنِ ائْتِ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu menyeru Nabi Musa: "Hendaklah Engkau mendatangi kaum Yang zalim... (asy-Syu'ara 26: 10)

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَائِيَ الَّذِينَ كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ

Dan pada hari (kiamat itu) Allah menyeru mereka lalu bertanya:" mana Dia sekutu-sekutuKu, Yang kamu anggap mereka (menjadi Tuhan dan dapat memberikan pertolongan)?" (al-qashah 28: 62)

حَتَّى يَسْمَعَ كَلامَ اللَّهِ

...maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu)... (at-Taubah 9: 6)

وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِنْهُمْ يَسْمَعُونَ كَلامَ اللَّهِ

padahal Sesungguhnya telah ada segolongan dari mereka yang mendengar Kalam Allah (Taurat)... (al-Baqarah 2: 75)

Semua ayat ini menetapkan sifat hadis (ucapan), qaul (perkataan), kalam (pembicaraan), nida' (seruan), dan munajat.semuanya adalah termasuk jenis kalam yang tetap bagi Allah sesuai dengan keagungan-Nya.

Kala Allah termasuk sifat dzatiyah, kerana terus menyertai Allah dan tidak pernah berpisah dari-Nya. Juga termasuk sifat fi'liyah, kerana berkaitan dengan masyi'ah dan qudrah-Nya. Allah s.w.t. juga menyebutkan bahawa yang tidak boleh berbicara sudah pasti tidak boleh menjadi Tuhan. Allah s.w.t. berfirman:

وَاتَّخَذَ قَوْمُ مُوسَى مِنْ بَعْدِهِ مِنْ حُلِيِّهِمْ عِجْلا جَسَدًا لَهُ خُوَارٌ أَلَمْ يَرَوْا أَنَّهُ لا يُكَلِّمُهُمْ وَلا يَهْدِيهِمْ سَبِيلا اتَّخَذُوهُ وَكَانُوا ظَالِمِينَ

Dan kaum Nabi Musa, sesudah ia (pergi ke Gunung Tursina), mereka membuat dari barang-barang emas perhiasan mereka, (patung) anak lembu yang bertubuh dan bersuara. (Allah berfirman): "Tidakkah mereka memikirkan bahawa patung itu tidak dapat berkata-kata dengan mereka dan tidak dapat juga menunjukkan jalan kepada mereka? Mereka menjadikannya (berhala yang disembah) dan sememangnya mereka adalah orang-orang yang melakukan kezaliman". (al-A'raaf 7: 148)

Kalam adalah sifat kesempurnaan, sedangkan bisu adalah sifat kekurangan. Dan Allah memiliki sifat kesempurnaan, suci dari sebarang kekurangan.

7 – al-Istawa' 'Alal 'Arsy (Bersemayam Di Atas 'Arsy)

Ia adalah termasuk sifat fi'liyah. Allah s.w.t. mengkhabarkan bahawa Dia bersemayam di atas 'arsy, pada tujuh tempat di dalam kitab-Nya.

Pertama; di dalam surah al-A'raaf:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ

Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah Yang menciptakan langit dan bumi Dalam enam masa lalu ia bersemayam di atas Arasy; (al-A'raaf 7: 54)

Kedua; di dalam surah Yunus:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ

Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah Yang menjadikan langit dan bumi Dalam enam masa kemudian ia bersemayam di atas Arasy mentadbirkan Segala urusan. (Yunus 10: 3)

Ketiga; di dalam surah ar-Ra'd:

اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَاوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ

Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tiada bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian ia bersemayam di atas Arasy; (ar-Ra'd 13: 2)

Keempat; di dalam surah Thaha:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى

Iaitu (Allah) Ar-Rahman, Yang bersemayam di atas Arasy. (Thaha 20: 5)

Kelima; di dalam surah al-Furqan:

الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ الرَّحْمَنُ

Tuhan Yang menciptakan langit dan bumi serta Segala Yang ada di antara keduanya, Dalam enam masa, kemudian ia bersemayam di atas Arasy, Dialah Ar-Rahman (Tuhan Yang Maha Pemurah); (al-Furqan 25: 59)

Keenam; di dalam surah as-Sajdah 32: 4)

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ

Allah Tuhan Yang menciptakan langit dan bumi serta Segala Yang ada di antara keduanya Dalam enam masa, kemudian ia bersemayam di atas Arasy; (as-Sajdah 32: 4)

Ketujuh; pada surah al-Hadid:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ

Dia lah Yang telah menciptakan langit dan bumi Dalam enam masa, kemudian ia bersemayam di atas Arasy; (al-Hadid 57: 4)

Dalam ketujuh-tujuh ayat ini, lafaz istawa' datang datang dalam bentuk dan lafaz yang sama. Maka hal ini menyatakan bahawa yang dimaksudkan adalah maknanya

dengan makna yang hakiki yang tidak menerima ta'wil, iaitu ketinggian dan keluhuran-Nya di atas 'arsy. Istawa' mempunyai empat makna: irfa' (tinggi), uluw (luhur), shu'ud (naik) dan istigrar (menetap dan bertahkta). Ini disebutkan oleh Ibnul Qayyim dari para salaf)

'Arsy menurut bahasa Arab adalah singgahsana untuk raja. Sedangkan yang dimaksudkan dengan 'arsy di sini adalah singgahsana yang mempunyai beberapa kaki yang dipikul oleh malaikat, ia merupakan atap bagi semua makhluk. Sedangkan bersemayamnya Allah di atasnya ('arsy) ialah yang sesuai dengan keagungan-Nya. Kita tidak mengetahui kaifiyah (cara-nya), sebagaimana kaifiyah sifat-sifat-Nya yang lain. Akan tetapi kita hanya menetapkannya sesuai dengan apa yang kita fahami dari maknanya dalam bahasa arab, sebagaimana sifat-sifat lainnya, kerana memang al-Qur'an diturunkan dengan bahasa Arab.

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلا

Dan Dia lah Yang menjadikan langit dan bumi Dalam masa, sedang "ArasyNya, berada di atas air (ia menjadikan semuanya itu untuk menguji kamu: (Hud 11: 7)

وَالْمَلَكُ عَلَى أَرْجَائِهَا وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ ثَمَانِيَةٌ

Sedang malaikat-malaikat (ditempatkan) mengawal segala penjurunya, Dan pada hari itu delapan orang malaikat menjunjung 'Arsy Tuhanmu di atas (kepala) mereka. (al-Haqqah 69: 7)

8 – al-'Uluw (Tinggi) dan al-Fawqiyah (Di Atas)

Dua sifat Allah yang termasuk dzatiyah adalah ketinggian-Nya di atas makhluk dan Dia di atas mereka. Allah s.w.t. berfirman:

وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

...dan Dia lah Yang Maha tinggi, lagi Maha besar. (al-Baqarah 2: 255)

سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الأَعْلَى

Bertasbihlah mensucikan nama Tuhanmu Yang Maha tinggi. (al-A'la 87: 1)

ءأَمِنْتُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ

Patutkah kamu merasa aman terhadap Allah yang di langit. (al-Mulk 67: 16)

Maksudnya "Dzat yang di atas langit" apabila yang dimaksud dengan sama' (dalam ayat tersebut) adalah langit, atau "Dzat yang di atas" jika yang dimaksud dengan sama' adalah sesuatu yang ada di atas. Sebagaimana Dia menggambarkan tentang diangkatnya apa-apa kepada-Nya:

إِذْ قَالَ اللَّهُ يَا عِيسَى إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَيَّ

"Wahai Isa! Sesungguhnya Aku akan mengambilmu Dengan sempurna, dan akan mengangkatmu ke sisiKu... (Ali Imran 3: 55)

بَلْ رَفَعَهُ اللَّهُ إِلَيْهِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا

Bahkan Allah telah mengangkat Nabi Isa kepadanya; dan adalah Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (an-Nisa' 4: 158)

إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ

Kepada Allah lah naiknya Segala perkataan Yang baik... (Fathir 35: 10)

تَعْرُجُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ

Malaikat-malaikat dan Jibril naik (menghadap) kepada Tuhan... (al-Ma'arij 70: 4)

'Uruj dan shu'ud adalah naik. Dalil-dalil semacam ini menunjukkan kepada 'uluw (ketinggian) Allah di atas makhluk-Nya. Begitu pula fawqiyah-Nya ditetapkan oleh bebagai dalil, di antaranya adalah firman Allah s.w.t.:

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ

Dan Dia lah Yang berkuasa atas sekalian hambaNya; dan Dia lah Yang Maha Bijaksana serta amat mendalam pengetahuanNya. (al-An'am 6: 18)

يَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِنْ فَوْقِهِمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Mereka takut kepada Tuhan mereka Yang mengatasi mereka (dengan kekuasaanNya), serta mereka mengerjakan apa Yang diperintahkan. (an-Nahl 16: 50)

Perbezaan antara 'uluw dan istawa' adalah bahawasanya 'uluw adalah sifat dzat, sedangkan istawa' adalah sifat fi'il. 'Uluw mempunyai tiga makna:

- 'Uluwudz-Dzat (Dzat-Nya di atas makhluk)
- 'Uluwudz-Qahr (Kekuatan-Nya di atas makhluk)
- 'Uluwul-Qahr (Kekuasaan-Nya di atas makhluk)

Kesemuanya itu adalah sifat yang benar untuk Allah s.w.t.

9 – al-Ma'iyyah (Kebesarsamaan)

Ia adalah sifat yang tetap bagi Allah berdasarkan dalil yang banyak sekali. Allah s.w.t. berfirman:

لا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا

"Janganlah Engkau berdukacita, Sesungguhnya Allah bersama kita". (at-Taubah 9: 40)

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Dan Dia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah Maha melihat akan apa Yang kamu kerjakan. (al-Hadid 57: 4)

قَالَ لا تَخَافَا إِنَّنِي مَعَكُمَا أَسْمَعُ وَأَرَى

Allah berfirman: "Janganlah kamu takut, Sesungguhnya Aku ada bersama-sama kamu; Aku mendengar dan melihat segala-galanya. (Thaha 20: 46)

Dalil-dalil di atas menunjukkan (menetapkan) bahawa Allah s.w.t. selalu bersama hamba-Nya, di mana pun mereka berada.

Erti Ma'iyah:

Ma'iyah Allah terhadap makhluk-Nya ada dua jenis:

1 – Ma'iyah umum bagi semua makhluk-Nya. Maksudnya, pengetahuan Allah terhadap amal perbuatan hamba-hamba-Nya, gerakan yang zhahir dan batin, perhitungan amal dan pengawasan terhadap mereka. Tidak ada sesuatu pun dari mereka yang lepas dari pengawasan Allah di mana pun mereka berada. Allah s.w.t. berdirman:

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Dan Dia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah Maha melihat akan apa Yang kamu kerjakan. (al-Hadid 57: 4)

2 – Ma'iyah khusus untuk orang-orang mukmin. Maknanya, pengawasan dan pengetahuan Allah terhadap mereka, serta pertolongan, dukungan dan penjagaan Allah untuk mereka dari tipu muslihat musuh-musuh mereka.

قَالَ لا تَخَافَا إِنَّنِي مَعَكُمَا أَسْمَعُ وَأَرَى

Allah berfirman: "Janganlah kamu takut, Sesungguhnya Aku ada bersama-sama kamu; Aku mendengar dan melihat segala-galanya. (Thaha 20: 46)

لا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا

"Janganlah Engkau berdukacita, Sesungguhnya Allah bersama kita". (at-Taubah 9: 40)

Catatan Penting!

Dari huraian di atas, jelaslah makna Ma'iyah allah terhadap hamba-Nya bukan bererti "Allah bercampur dengan mereka melalui Dzat-Nya", Mahasuci Allah dari hal tersebut, kerana hal itu adalah *"madzhab huluiyah"* ***** yang sesat, batil dan kufur. Kerana Allah di atas para hamba-Nya dan Mahatinggi di atas mereka, tidak bercampur Dzat-Nya dengan mereka, bersemayam di atas 'arsy-Nya dan Dia

bersama mereka dengan ilmu-Nya, mengetahui segala hal ehwal mereka, mengawasi mereka dan tidak sedikit pun boleh menghilang atau mengelak dari pandangan Allah.

** (“madzhab hululiyah” = fahaman yang mengatakan bahawa Tuhan (Allah) itu menyatu pada diri sebahagian makhluk seperti fahaman Nasrani tentang Isa a.s. atau pada setiap makhluk, fahaman ini dikenali dengan Ittihadiyah atau Wihdatul Wujud (kesatuan dalam kewujudan), yang menganggap wujud yang haq hanya satu iaitu allah, sedangkan alam dan seisinya adalah (termasuk pelbagai haiwan, tumbuhan, langit dan bumi...) adalah penjelmaan Allah atau Allah menyatu pada diri haiwan-haiwan (makhluk-makhluk) tersebut. Ini adalah madzhab sesat dan kufur, yang di-anuti oleh golongan Jahmiyah dan diikuti oleh Ibnu Arab (638H), Ibnu Sab’in, al-Hallaj, Ibnu Faridn, al-Tilmisani, al-Balyani, dan lain-lain yang seumpamanya)*

Ma’iyah dapat digunakan untuk kebersamaan yang mutlak, sekali tidak ada sentuhan atau percampuran. Anda mengatakan, “متا عى معى” (barang/harta saya ada bersama saya). Padahal harta tersebut ada di atas kepala anda atau di atas kenderaan anda atau di atas kuda anda. Anda mengatakan, “Kami terus saja berjalan, dan rembulan bersama kami”, padahal dia ada di langit, akan tetapi ia tetap menerangi dan tidak hilang dari pandangan anda, sedang yang sampai hanyalah cahaya dan penerangannya saja.

10 – al-Hubb (Cinta) Dan ar-Ridha (Redha)

Ia adalah dua sifat yang tetap bagi Allah dan termasuk sifat fi’iliyah. Allah s.w.t. berfirman:

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ

Demi sesungguhnya! Allah redha akan orang-orang yang beriman... (al-Fath 48: 18)

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Allah reda akan mereka dan mereka pula redha akan dia. itulah kejayaan Yang amat besar". (al-Ma’idah 5: 119)

وَكَمْ مِنْ مَلَكٍ فِي السَّمَاوَاتِ لا تُغْنِي شَفَاعَتُهُمْ شَيْئًا إِلا مِنْ بَعْدِ أَنْ يَأْذَنَ اللَّهُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَرْضَى

Dan berapa banyak malaikat di langit, syafaat mereka tidak dapat mendatangkan sebarang faedah, kecuali sesudah Allah mengizinkan bagi sesiapa Yang dikehendaki-Nya dan diredhai-Nya. (an-Najm 53: 26)

فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ

maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah kasihkan mereka dan mereka juga mencintai-Nya... (al-Ma’idah 5: 54)

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri. (al-Baqarah 2: 222)

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. (al-Baqarah 2: 195)

Dalam ayat-ayat ini terdapat ketetapan adanya sifat mahabbah dan redha bagi Allah. Bahawasanya dia mencintai sebahagian manusia dan meredhai mereka. Dan dia mencintai sebahagian amal dan akhlak, iaitu cinta dan redha yang hakiki yang sesuai dengan keagungan-Nya yang Maha suci. Tidak seperti cintanya makhluk untuk makhluk atau redhanya. Di antara buah cinta dan redha ini ialah terwujudnya taufiq dan pemuliaan serta pemberian nikmat kepada hamba-hamba-Nya yang Dia cintai dan Dia redhai. Dan bahawa terwujudnya cinta dan redha di antaranya adalah taqwa, ihsan, dan ittiba' kepada Rasulullah s.a.w.. Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Ali Imran 3: 31)

ولا يزال عبدى يتقرب إلي بالنوافل حتى أحبه

"Dan sesungguhnya hamba-Ku mendekat kepada-Ku dengan melaksanakan ibadah-ibadah "sunnah" sehingga Aku mencintainya." (Hadis Qudsi Riwayat Bukhari)

11 – as-Sukhtu (Murka) Dan al-Karahiyah (Benci)

Sebagaimana allah mencintai hamba-Nya yang mukmin dan meredhainya, maka Dia juga memurkai orang-orang kafir dan munafik, membenci mereka dan membenci amal perbuatan mereka.

Allah s.w.t. berfirman:

لَبِئْسَ مَا قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنْفُسُهُمْ أَنْ سَخِطَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ

Sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka sediakan bagi diri mereka (pada hari akhirat kelak) iaitu kemurkaan Allah menimpa mereka... (al-Ma'idah 5: 80)

وَلَكِنْ كَرِهَ اللَّهُ انْبِعَاثَهُمْ فَثَبَّطَهُمْ

...tetapi Allah tidak suka pemergian mereka, lalu dilemahkan-Nya semangat mereka... (at-Taubah 9: 46)

Murka dan benci adalah dua sifat yang tetap bagi Allah sesuai dengan keagungan-Nya. Di antara dampak dari keduanya adalah terjadinya pelbagai musibah dan siksaan terhadap orang-orang yang dimurkai-Nya dan dibenci perbuatannya.

12 – al-Wajhu (Wajah), al-Yadaani (Dua Tangan) Dan al-'Ainaani (Dua Mata)

Ini adalah sifat-sifat dzatiyah Allah sesuai dengan keagungan-Nya. Allah s.w.t. berfirman:

وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلالِ وَالإكْرَامِ

Dan tetap kekalah Wajah Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan Kemuliaan (ar-Rahman 55: 27)

وَلا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لا إِلَهَ إِلا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلا وَجْهَهُ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ (٨٨)

Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Wajah Allah... (al-Qashah 28: 88)

Dua ayat tersebut menekankan wajah untuk Allah. Kita menetapkannya untuk Allah s.w.t. sesuai dengan keagungan-Nya sebagaimana Dia sendiri menetapkan untuk-Nya. Dan Allah s.w.t. berfirman:

بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنْفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ

(Tidak demikian), tetapi kedua-dua tangan Allah sentiasa terbuka Dia menafkahkan sebagaimana yang Dia kehendaki... (al-Ma'idah 5: 64)

قَالَ يَا إِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِيَدَيَّ أَسْتَكْبَرْتَ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْعَالِينَ (٧٥)

...apakah yang menghalangmu daripada sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakan dengan kedua tangan-Ku... (Shaad 38: 75)

Dua ayat tersebut menetapkan dua tangan Allah s.w.t. Dan Allah s.w.t. berfirman:

فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا

...maka sesungguhnya kamu berada dalam penglihatan Kami... (at-Thur 52: 48)

Maksudnya adalah "berada dalam penglihatan dan penjagaan Kami".

تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا

Yang belayar laju dengan pemeliharaan kami... (al-Qamar 54: 14)

Maksudnya adalah "dalam penglihatan Kami dan di bawah pemliharaan Kami".

وَلِتُصْنَعَ عَلَى عَيْنِي

...dan supaya kamu diasuh di bawah pengawasan-Ku. (Thaha 20: 39)

Disebutkan lafaz ‘ain (mata) dan a’yun (beberapa mata) sesuai dengan apa yang disandarkan kepadanya, berbentuk tunggal atau jamak sesuai dengan ketentuan bahasa Arab.

Dan disebutkan dalam sunnah yang suci sesuatu yang menunjukkan makna tatsiniyah (dua). Rasul s.a.w. bersabda bersabda ketika menyifati Dajjal yang mengaku sebagai tuhan,

أنه أعو، وإن ربكم ليس بأعور

“Sesungguhnya dia adalah buta sebelah, dan sesungguhnya Tuhanmu tidaklah buta sebelah.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ini jelas, bahawa maksudnya bukanlah menetapkan satu mata, kerana mata sebelah jelas cacat (buta). Maha Suci dari hal yang demikian. Maka dalam ayat-ayat dan hadits tersebut terdapat penetapan terhadap dua mata bagi Allah, sesuai dengan apa yang layak bagi keagungan-Nya sebagaimana sifat-sifat-Nya yang lain.

13 – al-‘Ajab (Hairan) dan Tertawa

Ia adalah sifat yang tetap bagi Allah s.w.t. sesuai dengan apa yang disandarkan dengan keagungan-Nya, sebagaimana yang ada dalam bebrapa nas-nas sahih dan sharih (jelas). Rasulullah s.a.w. bersabda:

عجب ربنا من قنوط عباده وقرب غيره ينظرإليكم أزلين قنطين فيظل يضحك يعلم أن فرجكم قريب

“Tuhan kita merasa hairan terhadap keputusan asa-an hamba-hamba-Nya padahal telah dekat perubahan (keadaan dari kesulitan kepada kemudahan) oleh-Nya. Dia melihat kepadamu dalam keadaan sempit (susah) dan berputus asa. Dia pun tertawa, Dia mengetahui bahawa pertolongan-Nya untukmu adalah dekat.” (Hadis Riwayat Ahmad dan lain-lainnya)

Dalam hadis ini terdapat sifat hairan dan tertawa, iaitu dua sifat Allah dari sifat-sifat fi’iliyah-Nya sebagaimana sifat-sifat-Nya yang lain. Tidaklah kehairanan-Nya sama dengan kehairanan makhluk, dan tidaklah pula tertawa-Nya sama dengan tertawanya makhluk. Tidak ada sesuatu yang menyamai-Nya.

14 – al-Ityan dan al-Maji’ (Datang)

Keduanya adalah sifat fi’iliyah Allah s.w.t. Dia berfirman:

كَلا إِذَا دُكَّتِ الأَرْضُ دَكًّا دَكًّا، وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا

Jangan sekali-kali bersikap demikian! Apabila bumi digoncangkan berturut-turut, dan (perintah) Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah). (al-Fajr 89: 21-22)

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلا أَنْ يَأْتِيَهُمُ اللَّهُ فِي ظُلَلٍ مِنَ الْغَمَامِ وَالْمَلائِكَةُ وَقُضِيَ الأَمْرُ وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ الأُمُورُ (٢١٠)

Tiada yang mereka nanti-nantikan melainkan datangnya Allah dan malaikat (pada hari kiamat) dalam naungan awan... (al-Baqarah 2: 210)

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلا أَنْ تَأْتِيَهُمُ الْمَلائِكَةُ أَوْ يَأْتِيَ رَبُّكَ

Mereka tidak menunggu melainkan kedatangan malaikat (untuk mencabut nyawa mereka), atau kedatangan Tuhanmu, atau kedatangan sebahagian dari tanda-tanda Tuhanmu... (al-An'am 6: 158)

Ayat-ayat tersebut menetapkan sifat ityan dan maji' bagi allah s.w.t. iaitu datang dengan dzat-Nya secara sebenarnya untuk memutuskan hukum anatara hamba-hamba-Nya pada hari kiamat, sesuai dengan keagungan-Nya. Sifat datang dan mendatangi itu tidak sama dengan sifat makhluk. Maha Suci Allah dengan hal itu.

15 – al-Farah (Gembira)

Al-Farah adalah sifat yang tetap bagi Allah. Ia merupakan salah satu sifat fi'iliyah-Nya yang sesuai dengan keagungan-Nya. Dalam hadis sahih, Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawasanya Allah sangat bergembira kerana taubat seorang hamba-Nya. Beliau s.a.w. bersabda:

الله أشد فرحا بتوبلة عبده من أحد كم براحلته

"Allah amat gembira dengan taubat hambanya melebihi kegembiraan salah seorang dari kalian yang telah menemukan kenderaannya kembali." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Kegembiraan Allah ini adalah kegembiraan berbuat baik dan sayang, bukan kegembiraan seorang yang memerlukan kepada taubat hamba-Nya yang boleh diambil manfaatnya. Kerana sesungguhnya Allah maha Kaya, tidak memerlukan ketaatan hamba-Nya. Akan tetapi Dia bergembira untuk itu kerana kebaikan-Nya, sayang-Nya dan anugerah-Nya kepada hamba-Nya yang mukmin; sebab Dia mencintai dan menginginkan kebaikan serta keselamatan hamba dari siksaan-Nya.

Ke-Empat: PENDAPAT-PENDAPAT GOLONGAN SESAT TENTANG SIFAT-SIFAT INI BERSERTA BANTAHANNYA

Golongan-golongan sesat seperti Jahmiyah, Muktazilah, dan Asya'irah menyalahi pegangan ahlus sunnah wal jama'ah dalam hal sifat-sifat Allah. Mereka menafikan sifat-sifat Allah atau menafikan banyak sekali dari sifat-sifat itu atau menta'wil-kan nas-nas yang menetapkannya dengan ta'wil yang batil. Syubhat (keraguan, kerancuan) mereka dalam hal ini adalah mereka mengira bahawa penetapan dalam sifat-sifat ini menimbulkan adanya tasybih (penyerupaan Allah dengan lain-Nya). Oleh kerana sifat-sifat ini juga terdapat pada makhluk maka penetapan-nya untuk Allah pun menimbulkan penyerupaan-Nya dengan makhluk. Kerana itu harus dinafikan (menurut mereka) atau harus dita'wilkan dari zahirnya, atau tafwidh (menyerahkan) makna-makna-nya kepada allah s.w.t. demikianlah madzhab mereka

dalam sifat-sifat Allah, dan inilah syubhat dan sikap mereka terhadap nas-nas yang ada.

BANTAHAN TERHADAP MEREKA (GOLONGAN YANG SESAT)

1 – Sifat-sifat ini datang dan ditetapkan oleh nas-nas al-Qur'an dan as-Sunnah yang mutawatir. Sedangkan kita diperintahkan mengikuti al-Kitab dan as-Sunnah.

Allah s.w.t. berfirman:

اتَّبِعُوا مَا أُنْزِلَ إِلَيْكُمْ مِنْ رَبِّكُمْ

(Katakanlah kepada mereka Wahai Muhammad): "Turutlah apa Yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu... (al-A'raaf 7: 3)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

عليكم بسنتي وسنة الخلقاء الراسدين منبعدي

"Ikutilah sunnahku dan sunnah para khulafa' Rasyidin sesudahku." (Hadis Riwayat Abu Daud dan at-Tirmidzi, ia berkata hadis ini hasan sahih)

Dan Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا آتَكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

...dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang Yang melanggar perintahNya). (al-Hasyr 59: 7)

Maka barangsiapa yang menafikannya bererti dia telah menafikan apa yang ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan bererti pula dia telah menentang Allah dan Rasul-Nya.

2 – sesungguhnya kaum salaf (terdahulu) yang terdiri daripada para sahabat, tabi'in, dan ulama pada masa-masa yang dimuliakan, semuanya menetapkan sifat-sifat ini dan mereka tidak berselisih sedikit pun di dalamnya.

Imam Ibnul Qayyim berkata: "Manusia banyak berselisih pendapat dalam pelbagai hal hukum, tetapi mereka tidak berselisih dalam memahami ayat-ayat sifat dan juga hadis-hadisnya, sekali pun itu hanya sekali. Bahkan para sahabat dan tabi'in telah bersepakat untuk iqrar (menetapkannya) dan imrar (membiarkan seadanya) disertai dengan pemahaman makna-makan lafaz yang bahawa hal tersebut telah dijelaskan dengan tuntas, dan bahawa menjelaskannya adalah hal yang teramat penting, kerana ia termasuk penyempurnaan bagi perwujudan dua kalimah syahadah, dan penetapannya merupakan hasil kesan tauhid. Maka Allah s.w.t. dan Rasulullah s.w.t. menjelaskan dengan jelasnya lagi terang tanpa kesamaran dan keraguan yang boleh menimpa ahlul ilmi." (Mukhtashar shawa'iq Mursalah, 1/15)

Sedangkan Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Kewajiban kalian adalah mengikuti sunnahku dan sunnah Khulafa’ Rasyidin.”

Sedangkan penetapan sifat adalah termasuk hal tersebut:

3 – Seandainya zahir nas-nas tentang sifat itu bukan yang dimaksud, dan dia wajib dita’wilnya (penyerahan makna kepada Allah), tentu Allah dan Rasul-Nya telah berbicara kepada kita dengan khitab dan ucapan yang kita tidak faham maknanya. Dan tentu nas ini bersifat teka-teki atau kiasan yang tidak mampu kita fahami. Ini adalah mustahil bagi Allah, Allah Maha Suci dari yang demikian. Kerana kalam Allah dan Kalam Rasul-Nya adalah ucapan yang sangat jelas, terang, dan berisi petunjuk.

4 – Menafikan sifat Allah, bererti menafikan wujud Allah, kerana tidak ada dzat tanpa sifat, dan setiap yang wujud pasti mempunyai sifat. Sesungguhnya yang tidak mempunyai sifat hanyalah ma’dum (sesuatu yang tidak ada). Maka barangsiapa yang menafikan sifat-sifat bagi Aallah yang telah Dia tetapkan untuk Diri-Nya, bererti ia telah mencampakkan sifat-sifat Allah, telah membangkang kepada Allah dan telah menyerupakan Allah dengan benda-benda yang tidak ada wujudnya, dan itu bererti pula dia telah mengingkari wujud Allah; sebagai keharusan (kewajiban) dan kesan hasilnya dari ucapan itu.

5 – Keasamaan nama-nama allah dan sifat-sifat-Nya dengan nama-nama dan sifat-sifat makhluk-Nya dalam bahasa tidak mengharuskan kesamaan atau penyerupaan dalam hakikat atau kaifiyat. Allah memiliki sifat-sifat yang khusus dan sesuai dengan keagungan-Nya sebagaimana yang Dia sendiri telah tetapkannya. Makhluk mempunyai sifat-sifat khusus dan sesuai dengan selayaknya sebagai makhluk yang telah diberikan oleh Allah. Ini tidak mengharuskan kesamaan atau penyerupaan. Bahkan antara makhluk pun tidak harus sama.

Jika dikatakan, “Sesungguhnya ‘Arsy itu adalah sesuatu yang wujud” dan “sesungguhnya nyamuk itu sesuatu yang wujud”, ini tidak mengharuskan keduanya sama dalam “sesuatu dan wujud”, juga dalam hakikat dan kaifiyat. Jika hal ini terjadi antara makhluk dengan makhluk, maka antara Allah al-Khaliq dengan makhluk-Nya adalah lebih utama untuk tidak sama.

6 – Sebagaimana Allah mempunyai Dzat yang tidak diserupai oleh dzat makhluk, maka Dia juga mempunyai sifat-sifat yang tidak diserupai oleh sifat-sifat makhluk.

7 – Sesungguhnya menetapkan sifat-sifat yang ada adalah kesempurnaan dan menafikannya adalah kekurangan. Sedangkan allah Maha Suci dari sifat kekurangan. Maka wajiblah penetapan sifat-sifat itu.

8 – Sesungguhnya dengan nama-nama dan sifat-sifat ini, para hamba dapat mengetahui Tuhannya dan mereka memohon kepada-Nya dengan nama-nama itu. Mereka takut kepada-Nya dengan nama-nama itu. Mereka takut kepada-Nya dan mengharap dari-Nya sesuai dengan kandungan nama-nama itu. Jika dinafikan dari Allah, maka hilanglah makna-makna yang agung itu. Lalu dengan apa Dia dimintai dan dengan apa pula bertawassul kepadanya?

9 – Sesungguhnya hukum asal dalam nas-nas sifat adalah zahir dan makna aslinya. Tidak boleh menyelewengkan dari zahirnya kecuali jika dipenuhi ke-empat-empat syarat berikut ini:

i – Menetapkan kemungkinan lafaz mengandungi makna yang akan dita'wilkan kepadanya.

ii – Menegakkan dalil yang memalingkan lafaz dari zahirnya kepada makna yang mungkin dikandungnya iaitu makna yang menyalahi zahirnya.

iii – Menjawab dalil-dalil yang bertentangan dengan dalilnya tadi. Kerana orang yang mengaku benar haruslan mempunyai bukti atas dakwaannya. Dia harus mempunyai jawaban yang benar terhadap dalil-dalil yang berlawanan dngannya. Dan tidaklah disebut memiliki dalil orang yang hanya mendakwakan ta'wil.

iv – Bahawasanya tidaklah mungkin Rasulullah s.a.w. berbicara dengan sesuatu pembicaraan jika beliau menginginkan erti yang bukan zahirnya, pastinya beliau menjelaskan kepada umat bahawasanya beliau menginginkan majaz (erti kiasan) bukan hakikat atau erti sebenarnya. Ternyata ini tidak pernah terjadi pada nas-nas sifat tersebut.

BUAH TARBIYAH TAUHID ASMA' WA SIFAT PADA DIRI INDIVIDU DAN MASYARAKAT

Sesungguhnya iman dengan asma' dan sifat Allah sangatlah berpengaruh baik bagi perilaku individu mahupun jama'ah dalam mu'amalah-nya dengan Allah dan dengan makhluk.

Pengaruhnya Dalam Bermua'amalah Dengan Allah

1 – Jika seseorang mengetahui asma' dan sifat-Nya, juga mengetahui madlul (erti dan maksud)nya secara benar, maka yang demikian itu akan memperkenalkannya dengan Rabb-nya berserta keagungan-Nya. Sehingga ia tunduk dan khusyu' kepada-Nya, takut dan mengharapkan-Nya, tunduk dan memohon kepada-Nya seta bertwassul kepada-Nya dengan nama-nama dan sifat-sifat-Nya. Sebagaimana Allah s.w.t. berfirman:

وَلِلَّهِ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Dan Allah memiliki nama-nama yang baik (asma'ul husna), maka serulah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang Yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa Yang mereka telah kerjakan. (al-A'raaf 7: 180)

2 – Jika ia mengetahui bahawa Rabb-nya sangat dasyat 'azab-nya. Dia boleh murkan, Maha Kuat, Maha Perkasa, dan Maha Kuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki, Dia Maha Mendengar, Maha Melihat dan Maha Mengetahui segala sesuatu yang tidak satu pun terlepas dari ilmu-Nya, maka hal itu akan membuatnya ber-muraqabah (merasa diawasi Allah), takut dan menjauhi maksiat terhadap-Nya.

3 – Jika ia mengetahui Allah adalah Maha Pengampun, Maha Penyayang, Maha Kaya, Maha Mulia, senang pada taubathamba-Nya, mengampuni semua dosa dan menerima taubat orang yang bertaubat, maka hal itu akan membawanya kepada

taubat dan istighfar, juga membuatnya bersangka baik kepada Rabb-nya dan tidak akan berputus asa dari rahmat-Nya.

4 – Jika ia mengetahui allah adalah yang memberi nikmat, yang meng-anugerahi, dan yang di tangan-Nya segala kebaikan, dan Dia Maha Kuasa atas segalanya, Dia yang memberi rezeki, membalas dengan kebaikan, dan memuliakan hamba-Nya yang mukmin, maka hal itu akan membawanya kepada sifat mahabbah kepada Allah dan taqarrub kepada-Nya serta mencari apa yang ada di sisi-Nya dan akan berbuat baik serta taat menurut apa yang diperintahkan.

Pengaruhnya Dalam Bermua'malah Dengan Makhluk

Jika sesorang mengetahui bahawa Allah adalah Hakim yang Maha Adil, tidak menyukai kezaliman, kecurangan, dosa, dan permusuhan; dan Dia Maha Membalas dendam terhadap orang-orang yang zalim atau orang-orang yang melampaui batas atau orang-orang yang berbuat kerosakan, maka ia pasti akan menahan diri dari kezaliman, dosa, kerosakan, dan khianat. Dan dia akan berbuat adil atau optimis sekali pun terhadap dirinya sendiri, juga akan bergaul dengan teman-temannya dengan akhlak yang baik. Dan masih banyak lagi pengaruh terpuji lainnya kesan mengetahui nama-nama Allah dan beriman kepada-Nya.

Demikianlah, Allah memperkenalkan Diri-Nya dengan nama-nama itu agar hamba-Nya mengenal-Nya dan memohon kepada-Nya sesuai dengan isi kandungannya dan juga agar sentiasa berbuat baik kepada sesama hamba-Nya yang lain. Allah s.w.t. berfirman:

وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berbuat baik. (al-Baqarah: 195)

Dan Rasulullah s.a.w. bersabda:

ارحموا من في الأرض يرحمكم من في السماء

"Sayangilah orang yang ada di bumi, maka engkau akan disayangi oleh yang ada di langit."

Tajuk selanjutnya akan menyusul: Bab al-Wala' wal Bara'

Kitab asal: التوحيد للصف الاول العالي (at-Tauhid Lish-Shafil Awwal al-'Ally) oleh Sheikh Dr. Soleh Fauzan Bin Fauzan Bin Abdullah al-Fauzan.

Diedit semula dari kitab terjemahannya (indonesia) oleh:
Nawawi (http://an-nawawi.blogspot.com)